

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kekurangan kakitangan di hospital, klinik kerajaan

Mohon tambah 10,675 jawatan

Kementerian Kesihatan harap JPA beri pertimbangan atasi masalah

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@nsp.com.my

Ipoh: Kementerian Kesihatan sudah mengemukakan permohonan penambahan 10,675 jawatan bagi menangani masalah kekurangan kakitangan di hospital dan klinik kerajaan di seluruh negara.

Permohonan itu adalah bagi mengatasi kekurangan kritikal kakitangan di bahagian kecemasan, termasuk doktor, ahli farmasi dan pakar pergilian.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata permohonan penambahan jawatan berkenaan dikemukakan baru-baru ini dan berharap diluluskan tahun depan.

"Jadi, kita berharap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi pertimbangan dalam hal ini agar kita boleh mempertingkat

perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Kesedaran Kesihatan bertajuk *'Systematic Complications of Smoking & Alcohol Abuse'* anjuran Hospital Pakar Komuniti Perak (PCSH) dan Lee Eye Centre di sini, semalam.

Dr Boon Chye berkata, cadangan itu setakat ini mendapat maklum balas positif daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan beberapa agensi lain.

"Malah, semasa saya membentangkan perkara ini di Dewan Rakyat baru-baru ini, ia mendapat persetujuan bukan sahaja Ahli Parlimen kerajaan tetapi juga pihak pembangkang," katanya.

Beliau menjelaskan, sejak beberapa tahun lalu, jumlah pengambilan kakitangan perubatan dihadkan dan tidak dibenarkan untuk penambahan walaupun kerajaan membina hospital dan klinik baharu serta mewujudkan perkhidmatan baharu.

Katanya, tanpa pengambilan kakitangan baharu, ia secara tidak langsung menambah beban kerja kakitangan sedia ada dan



Dr Boon Chye melawat tapak pameran selepas merasmikan Simposium Kesedaran bertajuk 'Systematic Complications of Smoking & Alcohol Abuse' di Ipoh, semalam.

(Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

boleh menimbulkan tekanan kepada mereka.

"Melalui laporan audit tahun lalu yang dikeluarkan tahun ini menunjukkan bahawa bahagian ke-

cemasan adalah antara jabatan yang mengalami masalah ketara kekurangan kakitangan," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan kekurangan kakitangan di hos-

pital dan klinik kerajaan berada pada tahap serius akibat tiada penambahan jawatan bagi doktor, jururawat, pakar farmasi dan kakitangan lain.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : -

RUANGAN : MUKA SEPULUH

Membantu jangan sampai memudaratkan

Bercakap soal doktor di alam maya, ada pro dan kontra. Dari satu sudut, interaksi langsung di alam maya benar-benar membantu meningkatkan kefahaman umum mengenai isu kesihatan, namun aspek mudarat tidak dinafikan apabila ada yang melanggar etika dan profesionalisme.

Dalam keadaan 80 peratus penduduk Malaysia menggunakan internet dan aktif di media sosial, pastinya kita tidak mahu interaksi mana-mana doktor di alam maya memberi pengaruh kurang tepat kepada masyarakat. Apa pun, kita puji sikap segelintir doktor yang sanggup menggunakan akaun media sosial sendiri dan melayan ratusan pertanyaan umum setiap hari mengenai isu kesihatan, walaupun tidak berbayar.

Kita percaya peranan doktor ini harus disokong. Jika dilihat berapa banyak peruntukan kempen kesedaran oleh Kementerian Kesihatan saban tahun, namun hasil belum tentu sampai kepada golongan sasar. Justeru, pengaruh alam maya harus dimanfaat sebaik mungkin.

Kementerian Kesihatan tidak boleh leka, sebaliknya perlu ada pemantauan. Jika ada pelanggaran etika atau tatacara doktor di alam maya, ambil tindakan segera. Bagi doktor pula, nak berinteraksi di alam maya tak salah, tetapi mesti tahu batas. Nak membantu jangan sampai memudarat.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

RINGKAS

114,745 kes denggi dilaporkan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan merekodkan 114,745 kes denggi di seluruh negara bermula 30 Disember tahun lalu sehingga kelmarin.

Statistik berkenaan dikeluarkan oleh Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan yang dimuat naik menerusi laman rasmi <http://idengue.remotesensing.gov.my>, semalam.

Berdasarkan data itu, Selangor menjadi negeri tertinggi bagi kes denggi dengan 63,405 kes sepanjang tempoh berkenaan.

Ia diikuti Kuala Lumpur (13,019 kes), Johor (9,703 kes), Kelantan (5,396 kes), Sabah (4,743 kes), Pulau Pinang (3,908 kes), Perak (2,754 kes), Pahang (2,391 kes), Sarawak (2,191 kes) dan Negeri Sembilan (2,046 kes).

Labuan mencatatkan kes denggi terendah berbanding negeri lain sepanjang tempoh berkenaan dengan 35 kes.

Pada masa sama, Kementerian Kesihatan turut merekodkan sebanyak 158 jumlah kematian akibat denggi untuk tempoh bermula 1 Januari sehingga 9 November lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO**MUKA SURAT : 4****RUANGAN : LOKAL****RINGKAS****KKM mohon tambah 10,675 kakitangan**

Ipoh: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah mengemukakan permohonan penambahan jawatan sebanyak 10,675 membabitkan hospital dan klinik kerajaan bagi mengatasi kekurangan kakitangan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, situasi paling kritis adalah di bahagian kecemasan selain turut mengalami kekurangan doktor, ahli farmasi dan pakar pergigian.

"Kita sudah mengemukakan permohonan penambahan jawatan berkenaan baru-baru ini

dan diharap ia dapat diluluskan pada tahun hadapan supaya dapat melegakan sedikit keadaan.

"Kita berharap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi pertimbangan dalam hal ini supaya kita boleh mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat," katanya selepas merasmikan program Simposium Kesedaran Kesihatan anjuran Hospital Pakar Komuniti Perak (PCSH) dan Lee Eye Centre di Hotel Kinta Riverfront semalam.

HOLIMR ESCHIAH

Wabak rabies ragut 22 nyawa di Sarawak

Seremban: Wabak rabies atau penyakit anjing gila sudah meragut 22 nyawa di Sarawak setakat ini, dilaporkan dalam keadaan terkawal susulan pelbagai langkah proaktif diambil Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, JPV Sarawak dan Sabah terus menjalankan operasi beraspadu bagi mengawal penularan jangkitan rabies

membabitkan haiwan.

Katanya, kawalan terhadap anjing tidak bertuan dan peningkatan imuniti terhadap anjing bertuan diberikan fokus utama di negeri-negeri berkenaan.

"Sejak 2017 iaitu ketika Sarawak mula dilanda wabak rabies hingga kini 140,103 daripada keseluruhan 205,000 ekor anjing diperiksa status kesihatan dan disuntik vaksin," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN**MUKA SURAT : 12****RUANGAN : NASIONAL**

Rakyat Perlis paling ramai hidap kencing manis

KANGAR - Perlis dikesan sebagai negeri tertinggi di Malaysia mempunyai rakyat yang menghidap penyakit kencing manis berdasarkan kepada nisbah jumlah penduduk.

Sehubungan itu, penduduk negeri ini dinasihatkan supaya tidak mengambil makanan atau minuman mempunyai banyak gula yang berisiko tinggi terkena penyakit berkenaan.

Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan, Unit Keselamatan dan

Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Kangar, Zaferidin Hashim menyarankan orang ramai supaya banyak memakan ulam yang boleh membantu menolak bahan makanan yang membahayakan usus.

Dalam pada itu, katanya adalah lebih wajar jika setiap makanan dimasak sendiri kerana kesegarannya lebih terjamin tanpa dimasukkan bahan perisa yang berlebihan sehingga memberi kesan buruk kepada kesihatan.

"Sebagai pengguna orang ramai mempunyai hak memastikan kualiti makanan yang dijual di kedai makan dalam keadaan baik, selain memberi nasihat kepada pemilik premis makanan untuk menjaga kebersihan tempat memasak," katanya semasa memberi ceramah kesihatan anjuran Komuniti Sihat Perkasa Negara (Kospen), Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Guru Jaya di sini semalam.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

KKM, JPA bincang isu doktor kontrak

IPOH - Kementerian Kesihatan sedang mencari kaedah terbaik bagi menangani isu doktor lantikan kontrak termasuk mengadakan perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, perbincangan itu antara lain untuk memperhalusi ketelusan dan keelayakan lantikan kepada pegawai perubatan secara tetap.

Pada masa ini katanya, doktor baharu yang sudah menjalani latihan perlu berkhidmat sebagai pegawai perubatan di hospital kerajaan selama dua tahun.

"Kerajaan bagaimanapun tidak wajib mengambil mereka

sebagai kakitangan tetap. Ada yang terus dilanjutkan tempoh kontrak mereka.

"Keadaan ini memberi kesan kerana lantikan kontrak melakukan beban kerja yang sama, namun diberi gred skala gaji lebih rendah berbanding mereka yang diserap sebagai doktor tetap," katanya.

Media sebelum ini melaporkan situasi doktor lantikan kontrak di negara ini yang merasakan mereka diketepikan dengan diberi gaji lebih rendah serta menutup peluang menyambung pengajian ke peringkat tertinggi, sekali gus mengisi jawatan sebagai doktor pakar di masa hadapan.



Boon Chye menyantuni seorang daripada peserta yang menyertai kempen derma darah di Ipoh semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN**MUKA SURAT : 13****RUANGAN : NASIONAL**

Malaysia kekurangan pakar mata, kata menteri

KUALA SELANGOR - Bilangan pakar mata di negara ini masih rendah berikutan ketika ini hanya terdapat sejumlah 310 pakar optometri di hospital kerajaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, jumlah tersebut adalah daripada keseluruhan 2,300 pakar optometri di hospital kerajaan dan swasta di seluruh negara.

Menurutnya, kekurangan pakar mata menyebabkan bebanan kerja meningkat dan mengurangkan keberkesanan sistem kesihatan mata, apakah lagi pemeriksaan mata di hospital kerajaan dijalankan jika menerima rujukan daripada klinik kesihatan atau pusat rawatan harian.

"Mungkin jika hendak berjumpa dengan pakar mata, pesakit terpaksa menunggu lama dan masa lebih panjang untuk merujuk kes di hospital kerajaan," katanya kepada pemberita selepas Majlis



Dr Dzulkefly (tengah) menyampaikan sumbangan cermin mata kepada salah seorang penerima di Kuala Selangor semalam.

Perasmian Penutup Kempen Ke-sedaran Kesihatan Mata Kebangsaan (NEHA) 2019 di Dewan Orang Ramai Kampung Assam Jawa di sini semalam.

Beliau berkata, pakar mata sektor awam sangat berpengalaman kerana setiap hari berdepan dengan pelbagai jenis penyakit

mata dengan jumlah pesakit tinggi, manakala jumlah pakar mata swasta yang ramai boleh dimanfaatkan untuk aktiviti rutin pemeriksaan mata dan saringan.

Beliau turut memberitahu bahawa terdapat kira-kira 200 graduan dalam jurusan optometri di seluruh negara setiap tahun.

AKHBAR : SINAR HARIAN**MUKA SURAT : 30****RUANGAN : PAHANG**

Hoshas cipta sejarah pembedahan katarak terbesar

KUANTAN - Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) Temerloh di sini mencipta sejarah menjalankan pembedahan katarak terbesar di Malaysia.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Sha'ari Ng-adiman berkata, dalam tempoh dua hari bermula Jumat lalu, sebanyak 120 pembedahan dilakukan melibatkan pesakit dari Pahang yang berusia 60 tahun ke atas.

"Majoriti pesakit terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) yang menerima bantuan kanta untuk katarak di bawah Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 (PeKa B40).

"Pembedahan ini telah mencapai bilangan kumulatif pembedahan katarak ke-1000 di Hoshas, yang dijangkakan akan mencecah kepada 1,300 pembedahan pada akhir tahun ini," katanya menerusi kenyataan media di sini semalam.

Dr Sha'ari berkata, pembedahan itu melibatkan sembilan pakar bedah dari Hoshas, Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan, Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Pusat Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta dibantu 70 kakitangan kesihatan.

Beliau juga memaklumkan, peningkatan jangka hayat penduduk di Malaysia secara tidak langsung memberi kesan kepada peningkatan kepada penyakit tidak berjangkit termasuk katarak.

"Jabatan Kesihatan Pahang akan terus komited untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kepada rakyat," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 48

RUANGAN : WANITA & KELUARGA

Projek 'Sama-Sama' bantu pesakit urus diabetes

Putrajaya: Kira-kira 100 pesakit diabetes bersama keluarga masing-masing akan menerima latihan setahun bagi menguruskan penyakit itu dengan lebih baik menerusi projek 'Sama-Sama', anjuran Kementerian Kesihatan, bermula bulan ini sehingga November tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chaw Mon, berkata pesakit yang berdaftar di empat klinik berdaftar di sekitar Putrajaya akan mengikuti projek perintis merangkumi empat komponen utama.

Katanya, komponen itu membabitkan latihan dan pendidikan; aktiviti kesihatan dan kesejahteraan keluarga; kit penjagaan di rumah dan penyertaan dan komunikasi dengan pendidik serta penilaian pra dan selepas program.

"Antara program dijadualkan seperti pendidikan mengenai pengurusan diabetes, kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan pengurusan psikososial.

"Aktiviti berbentuk interaktif turut dijalankan seperti demonstrasi memasak, senaman dan penyediaan hidangan sihat," kata-nya selepas majlis pelancaran Projek Sama-Sama sempena Hari Diabetes Sedunia, di sini, baru-baru ini.

Projek berkenaan diadakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan syarikat penjagaan kesihatan global, Novo Nordisk.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Eksekutif Operasi Antara-bangsa Novo Nordisk, Maziar Mike Doustdar; Duta Denmark ke Malaysia, Jesper Vahr dan Timbalan Pengarah Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Pe-

nyakit Kementerian Kesihatan, Dr Feisul Idzwan Mustapha.

Dr Chaw Mon, berkata institusi keluarga memainkan peranan penting membantu pesakit menguruskan penyakit dan mendidik ahli keluarga mengenai diabetes.

"Projek ini bertujuan mewujudkan persekitaran sokongan ke-

pada pesakit dan ahli keluarga.

"Keluarga dilengkapi dengan cara betul menguruskan diabetes, meningkatkan kualiti hidup pesakit dan mencegahnya," katanya.

Ketika ini, Malaysia mencatatkan 3.5 juta pesakit diabetes dan dijangka meningkat kepada tujuh juta menjelang 2025.

Mengawal berat badan dan bersenam mampu mengurangkan risiko diabetes.

Dr Feisul Idzwan, berkata pelbagai program kesedaran dianjurkan pihaknya bagi mencegah masalah obesiti atau kegemukan, termasuk silibus, pendidikan di sekolah rendah yang menggalakkan makan secara sihat dan gaya hidup aktif.

"Rakyat sendiri perlu mengambil tanggungjawab kerana maklumat sudah diberikan. Jika kita lihat kegemukan bukan penyakit, jadi mereka tidak datang ke klinik.

"Kementerian lain juga perlu memainkan peranan memudahkan rakyat hidup dengan lebih aktif. Kita boleh sediakan kemudahan dan peluang, tetapi individu sendiri perlu gunakan peluang yang ada," katanya.

Penduduk 'tergemuk' di Asia

Malaysia merekodkan penduduk 'tergemuk' paling tinggi di Asia dengan mencatatkan 33 peratus jumlah penduduknya mempunyai berat badan berlebihan, manakala 18 peratus mengalami obesiti.

Sempena Hari Diabetes Sedunia yang disambut pada 14 November setiap tahun, turut mendedahkan menerusi ciplan di laman Twitter Kementerian Kesihatan bahawa ibu bapa yang obes mempunyai risiko 13 kali ganda anak obes.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NATION

Solving housemanship issue

Ministry out to place graduates in hospitals within six months

POH: The Health Ministry is hoping that medical graduates will get their housemanship placement within six months by next year, says Dr Lee Boon Chye.

The deputy minister said fresh graduates currently had to wait for a year or longer to get into the two-year training programme at government hospitals.

Dr Lee said a series of discussions was being held with the Public Service Department (PSD) to see how best to overcome the issue.

They are working towards placing medical graduates as house officers within six months by next year, he added.

"In the long term, we hope to see them getting to start their training in less than three months upon graduation."

"Ideally, it should not be more than three months. That is the min-

istry's target," he told reporters after launching a blood and organ donation pledge campaign at a mall here yesterday.

The event was organised by the Raja Permaisuri Bainun Hospital's Board of Visitors.

Dr Lee also said the ministry was in discussion with the PSD to come up with a more transparent system on who qualified for permanent or contract appointments.

"Right now, after the two-year housemanship, the medical officers are either made permanent or hired on a contract basis.

"Those in the latter group carry out work like the permanent staff but are on a lower grade and earn less. Discussions are underway and we hope for a better outcome to resolve some of the issues," he added.

According to reports, contract

doctors feel that they are being sidelined, given less pay and shuffled from one facility to another while being deprived of the opportunity to specialise.

Malaysian Medics International chairman Dr SS Vikkineswaran had said that many house officers who worked hard and performed well did not get a permanent doctor's post after their internship, causing them to be frustrated and lose hope.

On another matter, Dr Lee said the health effects of vaping outweighed the economic contribution of the industry.

"The fact remains that vaping is harmful, though how much harm vaping could cause varies from one study to another.

"We also know that the vaping industry is big and Malaysia is among the top five producers.

"But to the ministry, the health aspect is of the utmost importance," he said.

Dr Lee was asked about Kapar 1 Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid's request to the ministry to halt the implementation of the smoking ban at open-air eateries on Jan 1 unless proper regulations were in place for the vape industry.

The lawmaker urged the ministry to come up with a win-win solution and enact proper regulations for some 5,000 vape operators which could potentially contribute to the economy.

Dr Lee added that many non-smoking youngsters had picked up nicotine addiction because of vaping.

"Without realising it, after some time they would become addicted to nicotine, and it would become a long-term problem," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : FRONT PAGE

RUANGAN :-

Hospital creates 'cataracts history'

KUANTAN: The Sultan Haji Ahmad Shah Hospital in Temerloh created history after successfully performing 120 cataract surgeries over two days, said Pahang Health Director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman.

He said beginning on Friday, 120 surgeries were performed involving patients from Pahang aged 60 and above.

"The majority of patients were from the low-income group, who received lenses for cataracts under the Health Care Scheme for the B40 group."

"A total of 1,000 cataract surgeries have been performed at the hospital so far, and we expect to achieve 1,300 surgeries by the end of the year," he said in a press statement yesterday.

Sha'ari said the latest exercise involved nine surgeons assisted by 70 staff from Sultan Haji Ahmad Shah Hospital, Tengku Ampuan Afzan Hospital in Kuantan, Kuala Lumpur Hospital and the Universiti Teknologi Mara Medical Centre.

He added that the increase in life expectancy of Malaysians had indirectly affected the increase in non-communicable diseases, including cataracts.

"The Pahang Health Department will continue to improve the quality of service to the people, including through ongoing health promotion activities, provision of health facilities and the purchase of new assets in hospitals and health clinics," he said. - Bernama